

Pengalaman mengajar sumber inspirasi bangunkan aplikasi

PENGALAMAN mengajar kursus studio reka bentuk dalam bidang alam bina selama ini memberi inspirasi kepada kumpulan penyelidik untuk membangunkan aplikasi e-Site Inventory.

Menurut **Prof Madya Dr. Osman Mohd Tahir**, e-Site inventori adalah aplikasi (*app*) yang dibangunkan untuk memudahkan pengguna membuat inventori kawasan.

“Setiap kali membuat analisis tapak, berbagai-bagai peralatan perlu dibawa bersama dan memerlukan ruang dan mengambil masa yang lama untuk mengalihkan data-data tersebut apabila balik daripada lapangan.

“Daripada situ tercetusnya idea melalui teknologi aplikasi terkini, kerja analisis di tapak yang memakan masa dan memerlukan peralatan tertentu dipermudah.

“Dengan e-Site Inventory ini, sekadar menggunakan telefon pintar yang kebanyakan kita menggunakannya, muat turun apliksi yang telah dibina ini, dan terus boleh masukkan maklumat dan data yang



DR. MOHD. JOHARI MOHD. YUSOF (kanan) menerangkan mengenai aplikasi e-Site inventory kepada para pengunjung.

dikehendaki ke dalamnya.

“Data dan maklumat analisis ini boleh terus digunakan apabila balik dari lapangan,”ujarnya yang juga Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina UPM.

Kata beliau lagi, dengan menggunakan aplikasi berkenaan, diharapkan bukan hanya memudahkan kerja di lapangan tetapi menjimatkan masa dalam membuat analisis bagi satu-satu kawasan dan lebih tepat dan boleh diperluas kegunaannya

untuk mengumpul data kawasan kerja pengurusan landskap bagi kawasan tersebut pada masa hadapan

Dalam pada itu menurut, Timbalan Pengarah Promosi dan Pemasaran Inovasi, Putra Science Park UPM, **Dr. Muhammad Fakri Zaky Jaafar** pula, aplikasi ini adalah salah satu daripada beberapa produk ICT yang telah dikeluarkan oleh UPM dan ini membuktikan teknologi yang dikomersilkan oleh UPM tidak hanya membangunkan inovasi dalam bidang pertanian sahaja.



DR. OSMAN MOHD. TAHIR

INFO

Aplikasi E-Site Inventory versi 1.0 ini mampu untuk:

- Muat naik pelan digital yang dimuat turun dari Google map dan sebagainya
- Merakam imej atau gambar yang mana saiz piksel gambar tersebut boleh dihadkan
- Menyimpan nota mengenai maklumat tapak dengan sistematik dan tersusun
- Membuat lakaran di atas imej, gambar atau pelan yang dimuat turun
- Menentukan koordinat x dan y sesuatu kedudukan di atas muka bumi.
- Aplikasi ini juga mampu untuk menghantar semua maklumat yang dikumpul di tapak projek menerusi kemudahan e-mel yang dibina dalam aplikasi ini.

